

## Bidang teknikal mudah dapat kerja


**ARAU:** Graduan dalam bidang teknikal lebih mudah mendapat pekerjaan dan terus relevan dalam pasaran kerja di negara ini dengan kebanyakan mendapat kerja selepas tamat pengajian di universiti atau kolej dalam latihan teknikal dan vokasional (TVET) itu.

Antaranya graduan Universiti Malaysia Perlis (Unimap) apabila direkodkan hampir 70 peratus dalam tempoh sekurang-kurangnya enam bulan selepas tamat pengajian berjaya mendapat pekerjaan.

Selebihnya 17.2 peratus melanjutkan pengajian; 6.5 peratus meningkatkan kemahiran; dan 3.7 peratus menunggu penempatan pekerjaan.

Jumlah tersebut direkodkan menerusi data kadar kebolehpasaran graduan atau graduate employability (GE) Unimap bagi graduan aliran teknikal universiti berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Naib Canselor Unimap, Prof. Dr. Zaliman Sauli berkata, data kadar GE Unimap yang tinggi itu menunjukkan graduan universiti berkenaan sentiasa memenuhi permintaan industri dan pasaran pekerjaan negara.



**GRADUAN** dalam bidang teknikal lebih mudah mendapat pekerjaan dan terus relevan dalam pasaran kerja di negara ini dengan kebanyakannya mendapat kerja selepas tamat pengajian. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Katanya, meskipun unjuran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini dijangka empat hingga 4.5 peratus kerana faktor global dan kesan pasca pandemik Covid-19, graduan bidang teknikal masih mendapat tempat dalam sektor pekerjaan.

“Kadar GE amat berkait rapat dengan prestasi ekonomi dan pasaran pekerjaan negara tetapi sebagai sebuah universiti awam yang berfokus aliran kejuruteraan dan teknikal, Unimap sangat proaktif menggandakan pelbagai usaha bagi membantu

graduannya.

“Antara yang dilaksanakan Unimap adalah dengan memperkasakan jaringan kerjasama strategik dengan industri utamanya dalam sektor elektronik dan elektrik di Malaysia,” katanya.

+ Utusan Malaysia: Dalam Negeri  
MS 6 16/2/23